

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Kepada Pelanggan yang Dihormati,

Lembaran Pendekatan Produk (LPP) ini direkabentuk untuk memberikan anda beberapa maklumat mengenai tentang insurans kemalangan peribadi anda.



Pelanggan lain telah membaca LPP ini dan mendapati ia bermanfaat;
anda juga digalakkan membacanya.

Tarikh:

1 Apakah Multi Drive Protector Plus?

Multi Drive Protector Plus ialah perlindungan tambahan pilihan di bawah Polisi Kereta Persendirian yang menyediakan perlindungan kemalangan peribadi untuk anda, pemandu yang dibenarkan anda dan penumpang terhadap kematian, hilang upaya atau kecederaan tubuh badan akibat kemalangan semasa memandu, melakukan perjalanan, menaiki atau turun dari kereta anda.

Sekiranya anda seorang individu yang dinamakan sebagai orang yang diinsuranskan dalam jadual polisi, perlindungan tambahan ini turut memperluaskan perlindungan kemalangan peribadi kepada anda semasa dalam perjalanan sebagai penumpang yang membayar tambang dalam perkhidmatan pengangkutan awam di Malaysia.

Di samping itu, perlindungan tambahan ini menyediakan manfaat bantuan tepi jalan, termasuk perkhidmatan penundaan kecemasan dan pembaikan kecil tepi jalan untuk kereta anda di Malaysia. Untuk maklumat lanjut, anda boleh merujuk risalah yang terdapat di laman web [Insurans Kereta Persendirian & Tambahan yang Tersedia | Generali Malaysia](#).

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, untuk premium tahunan sebanyak **RM195**, seorang pelanggan yang membeli Pelan MDP8 bagi kereta persendirian 5 tempat duduk yang diinsuranskan di bawah Polisi Komprehensif akan menerima perlindungan berikut:

Tambahan ini meliputi :	Tambahan ini tidak termasuk :
- Kematian – RM60,000 - Hilang Upaya Kekal – Sehingga RM60,000 - Perbelanjaan Perubatan – RM2,000 setiap kemalangan - Bantuan Tepi Jalan (<i>Roadside Assistance</i>) i. Penundaan Kecemasan 24-jam ii. Pembaikan Kecil di Tepi Jalan	- Perlumbaan (kecuali pencarian harta karun), rali, perentak perlumbaan (<i>pacemaking</i>), ujian kelajuan, penggunaan bagi tujuan yang berkaitan dengan perdagangan motor, untuk sewaan atau ganjaran - Kenderaan yang digunakan untuk membawa penumpang bagi tujuan ganjaran - Sebarang tindakan keganasan - Kecederaan diri, bunuh diri atau percubaan bunuh diri, pendedahan diri secara sengaja kepada kecederaan, serangan yang diprovokasi, kehamilan atau kelahiran anak atau sebarang kecacatan atau kelemahan fizikal yang sedia ada Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian di dalam polisi ini.

Tempoh perlindungan adalah selama 12 bulan. Anda perlu memperbaharui polisi anda bersama-sama dengan tambahan ini setiap tahun.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai polisi insurans kemalangan peribadi anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1300 13 2121 atau
+603 3007 2121



Layari laman web
kami di:
[Private Car Insurance & Available Add Ons | Generali Malaysia](#)



E-mel kami di:
customer.service.gi@generali.com.my



Imbas kod
QR
di atas

Maklumat BNMLINK untuk aduan / pertanyaan:

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB,
No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465
(Luar Negara: +603 2174 1717)
Laman Web BNMLINK:
bnm.gov.my/BNMLINK

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3

Ketahui Kewajipan Anda

Untuk perlindungan tambahan kemalangan peribadi (Pelan MDP8) ini, anda mesti membayar premium sebanyak:	Jika pembelian melalui pengantara	Jika pembelian terus
Premium Asas (Pemandu + 4 penumpang)	RM195	RM195
(+) Penumpang tambahan	-	-
(+) Cukai perkhidmatan 8%	RM15.60	RM14.04
(+) Duti setem	T/B	T/B
Jumlah premium yang perlu dibayar	RM210.60	RM189.54
Komisen / Rebat untuk saluran terus	Komisen: 10% atau RM19.50	Rebat: 10% atau (RM19.50)

Kebolegunaan duti setem dan cukai perkhidmatan yang digunakan, atau sebarang cukai lain adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia yang berkuat kuasa.



MAKLUMAT PENTING YANG ANDA PERLU TAHU

A	Tempoh perlindungan adalah selama 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi bersama-sama dengan perlindungan tambahan ini setiap tahun.
B	Insurans hanya akan berkuatkuasa apabila anda telah membayar premium (bayaran sebelum perlindungan).
C	Sekiranya berlaku kemalangan, anda harus memaklumkan kepada kami secepat mungkin. Anda boleh berbuat demikian dengan menghubungi talian Bantuan Tepi Jalan kami di 1800-22-2262. Sebagai alternatif, anda boleh menghubungi kami melalui aplikasi mudah alih GeneraliMY untuk bantuan tepi jalan 24/7 kami.
D	Kapasiti tempat duduk yang dinyatakan dalam kad pendaftaran kenderaan anda akan digunakan untuk tujuan perlindungan ini. Jika bilangan sebenar penumpang melebihi kapasiti yang diinsuranskan, had liabiliti yang perlu dibayar bagi setiap orang akan dikurangkan secara berkadar dengan bilangan penumpang sebenar.
E	Apabila berlaku sebarang kemalangan yang berkemungkinan menimbulkan tuntutan di bawah perlindungan ini, anda hendaklah dalam tempoh 14 hari dari tarikh kemalangan memberi notis kepada kami dengan butiran penuh kemalangan dan kecederaan yang dialami. Orang yang diinsuranskan hendaklah secepat mungkin mendapatkan dan bertindak atas nasihat perubatan atau pembedahan yang sewajarnya.
F	Perkhidmatan Pengangkutan Awam merujuk kepada mana-mana perkhidmatan bas, teksi, e-Hailing, feri dan rel berlesen yang tersedia untuk orang awam atas dasar tambang berbayar. Ia tidak termasuk semua jenis pengangkutan yang diatur secara persendirian, disewa khas (chartered), atau diatur sebagai sebahagian daripada pakej pelancongan, walaupun perkhidmatan tersebut beroperasi mengikut jadual tetap.



Bolehkah saya membatalkan perlindungan tambahan saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan perlindungan tambahan ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, kami akan memulangkan bahagian premium yang berkadar bagi tempoh insurans yang belum tamat dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat dan tiada manfaat telah digunakan di bawah perlindungan tambahan ini.